

PENGLIBATAN BELIA DALAM ISU KETAGIHAN BAHAN PORNOGRAFI, KESAN DAN LANGKAH MENANGANI KETAGIHAN

(*Youth Involvement in Pornographic Addiction Issues, Effects and Ways to Overcome Addiction*)

Aleeyah Nur Sabrina Dzuren, Fong Yu Jie, Nik Muhammad Azri Mohd Anuar, Nurul Aliyah Mohd Nadzri, Sussvinderjeet Kaur a/p Manjit Singh, Faizah Mohd Fakhruddin & Fathiyah Mohd Fakhruddin

ABSTRAK

Isu ketagihan pornografi adalah isu yang tidak boleh dipandang ringan kerana ia semakin berleluasa dalam masyarakat. Ketagihan pornografi boleh meningkatkan jenayah seks luar nikah. Kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap penglibatan belia dalam isu ketagihan bahan pornografi, kesan penglibatan dan langkah menangani isu ketagihan tersebut. Pendekatan kuantitatif dengan kaedah tinjauan deskriptif digunakan bagi menjawab persoalan kajian. Teknik persampelan yang digunakan ialah persampelan mudah atau *convenient sampling* yang melibatkan belia universiti dan luar universiti yang bersedia terlibat dalam kajian. Seramai 116 orang responden terlibat dalam kajian ini. Soal selidik diedarkan kepada responden menggunakan platform *Google Form*. Dapatkan menunjukkan bahawa penglibatan belia dalam isu ketagihan bahan pornografi berada pada tahap yang sederhana. Seterusnya dapatkan menunjukkan kesan utama daripada ketagihan bahan pornografi boleh menjerumuskan diri kepada jenayah seksual. Selain daripada itu, dapatkan kajian menunjukkan bahawa langkah menangani ketagihan bahan pornografi perlu melibatkan pihak kerajaan, institusi pendidikan, ibubapa, insitusi keagamaan dan masyarakat. Kajian ini memberi implikasi penting agar isu ketagihan bahan pornografi dalam kalangan belia wajar ditangani dengan segera dan secara tegas menerusi penggembangan usaha daripada pihak yang berkaitan.

Kata kunci: pornografi, ketagihan pornografi, belia, langkah menangani, kesan ketagihan,

ABSTRACT

The issue of pornography addiction is an issue that should not be taken lightly as it is becoming more prevalent in society. Pornography addiction could increase extramarital sex crimes. This study aims to identify the level of youth involvement in the issue of pornography addiction, the effects of involvement and ways to address the issue of addiction. A quantitative approach with a descriptive survey method was used to answer the research questions. The sampling technique used is simple or convenient sampling involving university and non -university youths who are willing to be involved in the study. A total of 116 respondents were involved in this study. Questionnaires were distributed to respondents using Google Form platform. Findings showed that youth involvement in the issue of

pornography addiction is at a moderate level. Further findings showed that the main effects of pornography addiction can bring oneself into sexual crimes. In addition, the findings of the study showed that ways to address pornography addiction should involve the government, educational institutions, parents, religious institutions and the community. This study has important implications that the issue of pornography addiction among youths should be tackled urgently and decisively through the mobilization of efforts from relevant parties.

Keywords: pornography, pornography addiction, youth, coping steps, addictive effect

PENDAHULUAN

Belia ialah aset penting yang bakal memimpin negara. Oleh itu, belia ialah kelompok generasi yang tidak boleh diabaikan dalam sesebuah negara (Tuan Pah Rokiah, Shamsul Anuar & Zaharuddin, 2016). Statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Negara pada tahun 2014 menunjukkan terdapat 44 peratus daripada penduduk Malaysia atau 13.3 juta orang adalah daripada kalangan belia berusia antara 15 hingga 39 tahun (Azrina Mazlin & Vishalache, 2016). Kadar peratusan menghampiri 50 peratus jumlah penduduk menunjukkan bahawa pentingnya untuk usaha pemerkasaan peranan belia dilaksanakan. Antara contoh usaha bagi memperkasakan belia ialah dengan membuka ruang kepada mereka bagi melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan bagi melatih kemahiran memimpin, menyelesaikan masalah dan membuat keputusan (Azrina et al.,2016).

Namun arus kemodenan dan globalisasi dunia menyebabkan belia terlibat dengan permasalahan akhlak yang bercanggah dengan nilai ketimuran dan ajaran Islam (Rohana, Norhasni & Andi, 2016). Ketagihan pornografi ialah salah satu masalah sosial yang serius dalam kalangan belia dan tidak boleh dipandang ringan. Pornografi merujuk kepada bahan bertulis atau visual yang boleh meningkatkan nafsu seks pembaca atau pemerhati (Ismail, 2012). Amirul Ashraaf dan Nooraini (2020) menjelaskan definisi pornografi berdasarkan penulisan lampau iaitu segala bentuk perbuatan dan tindakan yang mengandungi elemen seksual atau eksplorasi seksual yang bertentangan dengan nilai moral dalam masyarakat. Istilah *pornography* berasal daripada perkataan Greek iaitu *porneia* yang merujuk kepada pelacur (Ismail, 2012; Portal Rasmi MyHEALTH Kementerian Kesihatan Malaysia, 2012).

Menurut kajian ‘Malaysians Against Pornography’ (MAP) pada 2018, 80 peratus kanak-kanak yang berumur 10 hingga 17 tahun telah menonton pornografi secara sengaja (BERNAMA, 2019). Peratusan ketagihan pornografi semakin meningkat di Malaysia dan luar negara dari masa ke semasa lebih-lebih lagi pada masa pandemik Covid-19 yang sedang berlangsung ini. Statisik menunjukkan peningkatan yang ketara dalam pelayaran pornografi di ‘Pornhub’ iaitu meningkat sebanyak 11.6 peratus sejak pandemik bersifat global ini berlangsung (Hall, 2020). Bukan itu sahaja, Malaysia merupakan antara negara yang paling kerap melayari ‘Pornhub’ iaitu berada di tangga keempat dalam laporan yang dikeluarkan oleh Pornhub (Hall, 2020).

Isu ketagihan pornografi ini tidak boleh dipandang remeh berikutan meningkatnya kes jenayah seksual seperti rogol, sumbang mahram, pedofilia dan liwat. Mengikut laporan statistik Jenayah Malaysia 2020, jenayah rogol menunjukkan peningkatan sebanyak 5.5 peratus dalam tahun 2019 berbanding dengan tahun sebelum ini (Arifin, 2020). Masalah ini juga sedang berleluasa di negara lain seperti di India di mana lebih daripada 100 kes rogol

yang akan difaikkan setiap hari di balai polis (Agensi, 2018). Selain daripada itu, ketagihan pornografi juga boleh memberi kesan buruk kepada kesihatan otak iaitu merosakkan sel otak melebihi kerosakan yang disebabkan oleh kemalangan. Secara lebih khusus, ketagihan pornografi merosakkan fungsi *Pre-frontal Cortex* iaitu otak bahagian hadapan yang berfungsi membuat keputusan, membezakan perkara baik dan buruk, mengawal nafsu serta membentuk keperibadian. Ini menunjukkan individu yang ketagihan bahan pornografi akan hilang kewarasan akal dan pertimbangan rasional dalam membuat keputusan (Nur Qamarina & Hilwa, 2021).

Oleh yang demikian berdasarkan huraian di atas, kajian tentang penglibatan belia dalam ketagihan pornografi, kesan dan langkah menanganinya perlu dijalankan. Kajian ini diharapkan dapat memberi gambaran tentang isu ketagihan pornografi dalam kalangan belia dan bagaimana pihak yang berkaitan seperti ibubapa, guru, institusi pendidikan, institusi agama dan kerajaan dapat memainkan peranan menangani masalah tersebut. Secara khususnya, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti tahap penglibatan belia dalam isu ketagihan bahan pornografi, mengenalpasti kesan pornografi serta langkah menangani isu ketagihan pornografi menurut perspektif belia.

SOROTAN LITERATUR

Kajian oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara pada tahun 2016 menunjukkan 22% pelajar yang aktif seksual dipengaruhi oleh bahan pornografi. Ini disebabkan oleh bahan pornografi ini mudah didapati di internet iaitu dilaporkan 12% atau 4.2 juta daripada keseluruhan laman web dalam internet berunsurkan lucah atau pornografi (Varatharajoo & Hilwa, 2020). Walaupun peratusan ini kelihatan kecil tetapi kesannya sangat signifikan kepada individu khasnya golongan belia yang sememangnya kelompok yang biasa menggunakan internet dalam kehidupan seharian. Varatharajoo dan Hilwa (2020) turut menyebut tentang kajian lampau yang mencatatkan 31% golongan melayari laman web pornografi di internet, 5.5% menunjukkan ciri ketagihan pornografi manakala 17% berisiko untuk menjadi ketagihan kepada pornografi. Kajian yang dijalankan oleh penyelidik di Institut Pengajian Sains Sosial, Universiti Putra Malaysia menyatakan bahawa kebanyakan remaja Melayu bandar berusia 13 hingga 19 tahun melayari laman web lucah berbanding kaum lain. Seterusnya kajian yang agak lama tetapi signifikan untuk diambil berat ialah kajian yang telah dijalankan oleh Jas Laile Suzana dan Masnona (2006) terhadap 1,347 responden berusia 13 hingga 18 tahun daripada 28 buah sekolah di Sarawak mendapati remaja lelaki lebih ramai melayari laman web pornografi.

Terdapat faktor internal dan eksternal yang mendorong kepada ketagihan pornografi. Faktor internal ialah perasaan ingin tahu dalam diri yang menjadi tarikan kepada individu berkenaan menonton pornografi sehingga wujud ketagihan. Faktor eksternal pula merujuk kepada faktor ibubapa, persekitaran, rakan sebaya dan faktor teknologi. Faktor teknologi ini merujuk kepada kemudahan individu mengakses laman web pornografi serta mudahnya memperoleh video lucah melalui email, Whatsapp dan We Chat (Varatharajoo & Hilwa, 2020). Begitu juga faktor kebebasan internet menyebabkan segelintir pihak menyalahgunakan kemudahan internet dengan membekalkan kandungan pornografi secara berleluasa. Kerajaan hakikatnya tidak mempunyai kuasa untuk menyekat semua laman web yang menyalahgunakan kebebasan internet, oleh itu pengguna perlu meningkatkan kesedaran bagi

mengakses bahan yang sesuai dan bermanfaat (Muhammad Adnan, Siti Zobidah & Akmar Hayati, 2019). Ini ditambah lagi dengan kemudahan telefon pintar dewasa ini yang menyumbang kepada ketagihan pornografi. Sebanyak 35% individu melayari laman web pornografi melalui telefon pintar (Nur Qamarina & Hilwa, 2021). Kemudahan telefon pintar yang dimiliki oleh ramai belia menyebabkan mereka mudah mengakses dan menyimpan gambar dan video berbentuk pornografi sehingga menjurus kepada ketagihan pornografi (Amirul Ashraaf & Nooraini, 2020).

Ketagihan bahan pornografi dalam kalangan belia boleh meningkatkan jumlah kes jenayah seks seperti rogol atau seks luar nikah. Ini dapat dibuktikan menerusi statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Negara pada tahun 2017 menunjukkan bahawa seramai 4,992 bayi luar nikah dilahirkan oleh remaja perempuan berumur 18 tahun ke bawah. Sebanyak 120 kes pembuangan bayi luar nikah dicatatkan daripada angka tersebut. 22 peratus daripada remaja perempuan tersebut mengakui bahawa mereka terlibat dalam seks luar nikah kerana didorong oleh tontonan bahan pornografi (Amirul Ashraaf & Nooraini, 2020). Kajian lepas turut mendedahkan bahawa ketagihan pornografi boleh menyebabkan individu hilang kawalan diri, hilang rasa hormat dan cenderung melakukan seks secara kekerasan. Begitu juga ketagihan pornografi mengakibatkan individu hilang rasa malu dan mengalami kemurungan. Oleh yang demikian, isu ketagihan pornografi ini perlu diberi fokus yang sewajarnya daripada pelbagai pihak. Ibumapa perlu memantau dan mengawal penggunaan telefon pintar dan internet dalam kalangan anak mereka khasnya yang berusia 18 tahun ke bawah. Kawalan dan pemantauan terhadap anak-anak kecil sebelum meningkat usia belia sangat penting bagi menangani isu ketagihan pornografi ini. Penguatkuasaan undang-undang yang tegas juga penting bagi menangani isu ketagihan ini. Rawatan yang sesuai perlu dilakukan bagi merawat individu yang ketagihan bahan pornografi kerana kesannya yang negatif kepada kesihatan fizikal, mental dan keperibadian belia (Amirul Ashraaf & Nooraini, 2020).

Berdasarkanuraian di atas, ternyata isu ketagihan pornografi ialah satu isu yang serius dan perlu ditangani dengan sewajarnya. Jika isu ketagihan pornografi dalam kalangan belia dibiarkan tanpa kawalan, ia akan merosakkan generasi belia sebagai pemimpin masa hadapan negara. Belia yang terlibat dengan ketagihan pornografi akan terbelenggu dengan masalah kesihatan fizikal, mental dan spiritual.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian yang dijalankan ini menggunakan pendekatan kuantitatif iaitu kaedah tinjauan deskriptif. Kaedah tinjauan deskriptif dipilih kerana kaedah tersebut dapat mengumpul data menggunakan sampel daripada populasi yang dikaji. Kaedah ini juga dapat memberi gambaran tentang persepsi, pandangan, kepercayaan dan sikap kumpulan yang dikaji (Apuke, 2017). Populasi kajian terdiri daripada kalangan belia universiti dan luar universiti. Teknik persampelan yang digunakan ialah *non-probability sampling* atau persampelan tidak rawak jenis *convenient sampling*. Teknik persampelan *convenient* atau persampelan mudah dan sukarela dipilih kerana ia lebih mudah, cepat dilaksanakan (Alvi, 2016) dan boleh melibatkan sesiapa sahaja dalam kategori usia belia. Seramai 116 responden yang terlibat dalam kajian ini. Instrumen kajian dibina berdasarkan tiga persoalan kajian yang telah ditentukan. Instrumen ini dibina berdasarkan kajian lepas dan literatur yang berkaitan dengan isu

ketagihan pornografi, kesan dan langkah menanganinya. Terdapat empat bahagian dalam soal selidik kajian. Empat bahagian itu terdiri daripada Bahagian A berkaitan demografi responden iaitu jantina, umur, bangsa, agama dan tahap pendidikan. Bahagian B mengandungi item berkaitan dengan tahap penglibatan belia dengan bahan pornografi. Manakala Bahagian C ialah item tentang pandangan responden terhadap kesan pornografi, sementara bahagian terakhir iaitu Bahagian D berkisar tentang pandangan responden terhadap langkah menangani ketagihan pornografi. Skala yang digunakan ialah skala likert lima mata iaitu sangat tidak setuju; tidak setuju; tidak pasti/neutral; setuju dan sangat setuju. Soal selidik ini telah dipindahkan dalam bentuk Google Form agar lebih mudah diedarkan dalam kalangan belia universiti. Borang soal selidik dalam bentuk Google Form diedarkan menggunakan platform Whatsapp, Telegram, Twitter dan Instagram.

DAPATAN KAJIAN

Sejumlah 116 orang responden terlibat dalam kajian ini. Jadual 1 di bawah memaparkan demografi responden berdasarkan jantina, umur, bangsa, agama dan tahap pendidikan.

Jadual 1: Demografi Responden

Perkara	Kekerapan	Peratusan
Jantina		
Lelaki	35	30.2
Perempuan	81	69.8
Umur		
Bawah 18 Tahun	1	0.86
19-30 Tahun	110	94.83
31-40 Tahun	2	1.72
Atas 40 Tahun	3	2.59
Bangsa		
Melayu	98	84.49
Cina	7	6.03
India	9	7.76
Lain-Lain	2	1.72
Agama		
Islam	99	85.34
Hindu	9	7.76
Buddha	4	3.45
Kristian	3	2.59
Sikh	1	0.86
Tahap Pendidikan		
SPM	1	0.86
STPM/Matrikulasi/Asasi	19	16.38
Diploma	14	12.07
Sarjana Muda	81	69.83
Sarjana/Phd	1	0.86

Berdasarkan Jadual 1 di atas, responden perempuan seramai 81 orang atau 69.8% melebihi daripada responden lelaki yang hanya seramai 35 orang atau 30.2%. Berdasarkan usia responden pula, majoriti responden berusia 19 hingga 30 tahun iaitu seramai 110 orang atau 94.83%. Bagi komposisi bangsa, rata-rata responden berbangsa Melayu iaitu seramai

98 orang atau 84.49%. Hanya sembilan orang (7.76%) India, Cina seramai 7 orang (6.03%) dan lain-lain bangsa hanya dua orang (1.72%). Majoriti responden beragama Islam iaitu seramai 99 orang (85.34%), beragama Hindu seramai 9 orang (7.76%), beragama Buddha seramai empat orang (3.45%), beragama Kristian pula seramai tiga orang (2.59%) dan hanya seorang beragama Sikh. Daripada segi pendidikan, majoriti responden memiliki pendidikan tahap Sarjana Muda iaitu seramai 81 orang (69.83%), ini diikuti dengan pendidikan STPM dan setaraf seramai 19 orang (16.38%) serta Diploma seramai 14 orang atau 12.07%. Selebihnya memiliki tahap pendidikan SPM iaitu seorang dan Sarjana/Ph.d juga hanya seorang.

Seterusnya dapatan bagi persoalan kajian pertama menunjukkan penglibatan belia dalam ketagihan pornografi berada pada tahap min yang sederhana iaitu 2.46. Jadual 2 berikut menggambarkan nilai min bagi lapan item yang telah diukur.

Jadual 2: Tahap penglibatan belia dalam isu ketagihan pornografi

Bil	Item	Nilai min
1.	Adakah perbualan anda sering berkaitan dengan pornografi semasa berbual dengan rakan sebaya?	1.91
2	Adakah anda menonton pornografi atas desakan rakan sebaya?	1.84
3.	Adakah anda menonton pornografi kerana rasa ingin tahu?	2.71
4.	Adakah anda menonton pornografi kerana hobi?	1.66
5.	Adakah anda menonton pornografi untuk tujuan melakukan onani?	2.12
6.	Adakah anda mempunyai bahan pornografi?	1.92
7.	Adakah anda mudah untuk mengakses laman web pornografi ketika anda masih bawah umur?	3.55
8.	Adakah anda rasa bersalah selepas menonton pornografi?	1.97
9.	Adakah anda menganggap menonton/membaca pornografi adalah salah satu rutin harian?	4.53
MIN KESELURUHAN		2.46

Interpretasi tahap min adalah berdasarkan pengiraan dan Jadual 3 di bawah:

$$\frac{\text{Min tertinggi} - \text{min terendah}}{\text{Jumlah tahap yang diinginkan}}$$

$$\frac{5 - 1}{3} = 1.33$$

Jadual 3: Interpretasi Tahap Min

Nilai min	Tahap min
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.67	Sederhana
3.68 – 5.00	Tinggi

Oleh itu berdasarkan tahap min yang ditentukan, min keseluruhan bagi tahap penglibatan belia dalam pornografi berada pada tahap sederhana iaitu 2.46. Item yang mencatat min yang tinggi ialah “Adakah anda menganggap menonton/membaca pornografi adalah salah satu rutin harian?” iaitu 4.53. Ini diikuti item “Adakah anda mudah untuk mengakses laman web pornografi ketika anda masih bawah umur?” iaitu 3.55. Manakala terdapat beberapa item yang mencatat tahap min yang rendah seperti item “Adakah anda menonton pornografi kerana hobi?” iaitu 1.66. Item kedua yang mencatat tahap min yang rendah ialah “Adakah anda menonton pornografi atas desakan rakan sebaya?” iaitu 1.84. Walaupun tahap min keseluruhan berada pada tahap yang sederhana, namun kedua-dua item yang mencatat min yang tinggi tidak boleh diabaikan. Kedua-dua item tersebut menunjukkan bahawa akses kepada bahan pornografi adalah mudah dan merupakan satu rutin bagi responden kajian. Apa yang merisaukan ialah bahan pornografi bukan sesuatu yang asing bagi responden sejak usia kana-kanak lagi.

Seterusnya Jadual 4 berikut mengemukakan dapatan tentang kesan pornografi menurut perspektif responden daripada kalangan belia.

Jadual 4: Kesan pornografi

Bil	Item	Nilai min
1.	Ketagihan pornografi menyebabkan individu menjadi tertekan dari segi emosi	3.47
2	Ketagihan pornografi boleh menjerumuskan diri ke jenayah seksual	4.05
3.	Ketagihan pornografi boleh menyebabkan kehilangan keghairahan seksual	3.59
4.	Ketagihan pornografi menyebabkan individu tidak dapat berfikiran rasional serta realistik serta gagal berkomunikasi secara professional.	3.53
5.	Bersikap agresif sekiranya tidak menonton pornografi	3.41
6.	Ketagihan pornografi mampu membuatkan lelaki atau wanita melihat jantina berlainan sebagai objek seks semata-mata	4.07
7.	Indeks kes jenayah rogol dan gangguan seksual semakin meningkat / kemandirian negara terjejas / seks luar nikah semakin meningkat sekiranya kes ini tidak dibendung	4.23
8.	Pornografi mendorong saya ke arah fantasi seksual walaupun itu bukanlah realiti seks sebenar	3.16
Min keseluruhan		3.69

Jadual 4 di atas menunjukkan bahawa min keseluruhan kesan pornografi menurut perspektif responden ialah 3.69 iaitu pada tahap tinggi. Ini menggambarkan bahawa responden menyedari tentang kesan negatif pornografi. Rata-rata item mencatatkan nilai min melebihi 3.00. Antara item yang mencatat nilai min yang tinggi ialah “Indeks kes jenayah rogol dan gangguan seksual semakin meningkat/ kemandirian negara terjejas/ seks luar nikah semakin meningkat sekiranya kes ini tidak dibendung” iaitu nilai min 4.23. Ini diikuti dengan item berikut iaitu “Ketagihan pornografi mampu membuatkan lelaki atau wanita melihat jantina berlainan sebagai objek seks semata-mata” iaitu nilai min 4.07. Satu lagi item yang turut mencatat nilai min yang tinggi iaitu 4.05 ialah item “Ketagihan pornografi boleh menjerumuskan diri ke jenayah seksual.”. Ketiga-tiga item tersebut menunjukkan bahawa kesan negatif daripada ketagihan bahan pornografi berfokus kepada pertambahan kes jenayah seks, gangguan seksual dan seks luar nikah dalam masyarakat. Ini jelas mencetuskan kebimbangan dalam masyarakat apabila ia berleluasa dalam kalangan belia yang merupakan asset negara masa hadapan.

Dapatan yang selanjutnya ialah tentang langkah menangani isu pornografi. Dapatan berkenaan dapat dilihat dalam Jadual 5 di bawah.

Jadual 5: Langkah Menangani Isu Pornografi

Bil	Item	Nilai min
1	Pihak kerajaan meletakkan pendidikan seks sebagai sukan pelajaran dalam subjek Pendidikan Jasmani dan Kesihatan	3.96
2	Kerajaan mengharamkan laman web lucah dan menapis filem-filem yang mempunyai unsur lucah	4.19
3	Kerajaan memperuntukkan kaunseling dan rehabilitasi yang progresif	4.36
4	Kerajaan menguatkan hukuman yang berat dan tegas kepada jenayah seksual	4.50
5	Pihak berkuasa menyerbu dan menutup pusat pelacuran	4.46
6	Ibu bapa memantau aktiviti anak-anak ketika menggunakan gajet	4.45
7	Ibu bapa memberi pendidikan rohani dan jasmani yang mencukupi	4.52
8	Ibu bapa perlu menghadkan masa penggunaan gajet untuk anak-anak	4.22
9	Ibu bapa perlu melarang anak-anak menonton filem yang mengandungi unsur lucah	4.38
10	Ibu bapa perlu mengawal batasan pergaulan anak-anak	4.05
11	Ibu bapa menggalakkan anak-anak melibatkan diri dalam aktiviti berfaedah	4.54
12	Institusi pendidikan perlu memastikan agar pelajar yang berlainan jantina tidak berdua-duaan di tempat sunyi.	4.16
13	Institusi pendidikan mengambil tindakan disiplin kepada pelajar yang	4.32

terlibat dalam pornografi

14	Institusi pendidikan menyediakan khidmat pakar untuk pelajar yang ketagih pornografi	4.54
15	Institusi pendidikan memberi pendedahan awal tentang pendidikan seks yang betul	4.12
16	Institusi pendidikan melaporkan kepada pihak atasan tentang kes berkaitan seksual supaya ada rekod bertulis tanpa ragu-ragu	4.29
17	Institusi agama perlu mengadakan kempen kesedaran berkaitan pencegahan isu pornografi dalam masyarakat	4.31
18	Institusi agama mengadakan perkongsian agama berkaitan akhlak dan adab-adab sebagai seorang manusia	4.41
19	Ahli masyarakat perlu melakukan aktiviti bermanfaat semasa masa lapang	4.53
20	Ahli masyarakat tidak melakukan diskriminasi terhadap pendidikan seks dan stigma tentang seks hendaklah dimansuhkan agar masyarakat lebih terdidik dan sedar isu ini lebih serius	4.37
21	Rakan sebaya membantu rakan terjejas dengan membantunya untuk berubah	4.39
Min keseluruhan		4.33

Min keseluruhan bagi langkah menangani ketagihan pornografi oleh pelbagai pihak menurut perspektif responden ialah 4.33 iaitu berada pada tahap yang tinggi. Ini membuktikan bahawa responden sangat bersetuju bahawa peranan pelbagai pihak perlu dan penting bagi menangani isu ketagihan pornografi. Sebagai contoh terdapat dua item yang mencatat nilai min yang tertinggi iaitu 4.54 merujuk kepada item “Ibubapa menggalakkan anak-anak melibatkan diri dalam aktiviti berfaedah” dan item “Institusi Pendidikan menyediakan khidmat pakar untuk pelajar ketagih pornografi.” Di samping itu, item “Ahli masyarakat perlu melakukan aktiviti bermanfaat semasa masa lapang” iaitu nilai min 4.53. Item selanjutnya iaitu “Ibubapa memberi pendidikan jasmani dan rohani yang secukupnya” mencatat nilai min 4.52. Sementara itu, antara item yang menunjukkan nilai min yang agak rendah ialah “Kerajaan mengharamkan laman web lucah dan menapis filem-filem yang mempunyai unsur lucah” iaitu nilai min 4.19. Dapatkan berkenaan jelas menunjukkan bahawa peranan ibubapa dan institusi pendidikan sangat diharapkan bagi membendung isu ketagihan pornografi dalam kalangan belia. Walau bagaimanapun, peranan kerajaan tidak begitu ditekankan oleh belia berkemungkinan kerana belia merasakan tiada hubungan yang terus dan langsung dengan kerajaan berbanding dengan ibubapa dan institusi pendidikan.

Dapatkan kajian yang dibincangkan di atas jelas menunjukkan bahawa isu ketagihan pornografi bukan isu yang remeh. Walaupun tahap penglibatan belia dalam isu ketagihan pornografi dalam kajian ini berada pada tahap yang sederhana namun ia tidak boleh dipandang ringan khasnya oleh pelbagai pihak seperti kerajaan, ibubapa, institusi pendidikan, institusi agama dan anggota masyarakat.

PERBINCANGAN

Dapatan yang diperoleh menunjukkan bahawa nilai min bagi tahap penglibatan belia dalam pornografi berada pada tahap sederhana iaitu 2.46. Walaupun tahap min yang dicatatkan ialah sederhana namun ia tidak boleh dipandang ringan. Ini adalah realiti yang dibuktikan oleh kajian bahawa bahan pornografi ini mudah didapati di internet sehingga 12% atau 4.2 juta daripada keseluruhan laman web dalam internet berunsurkan lucah atau pornografi (Varatharajoo & Hilwa, 2020). Kemudahan telefon pintar yang dimiliki oleh rata-rata belia juga antara faktor yang menyebabkan mereka mudah mendapatkan dan menyimpan gambar dan video berbentuk pornografi sehingga menjurus kepada ketagihan pornografi (Amirul Ashraaf & Nooraini, 2020).

Dapatan seterusnya ialah tentang kesan pornografi menurut perspektif responden ialah 3.69 iaitu berada pada tahap tinggi. Ini menggambarkan bahawa responden menyedari tentang kesan negatif pornografi khasnya menyebabkan meningkatnya kes jenayah seks seperti rogol dan gangguan seksual dalam masyarakat. Dapatan ini tidak bercanggah dengan realiti bahawa jenayah rogol meningkat sebanyak 5.5 peratus dalam tahun 2019 berbanding dengan jumlah kes pada tahun sebelumnya (Arifin, 2020). Malah statistik oleh Jabatan Perangkaan Negara pada tahun 2017 menunjukkan bahawa seramai 4,992 bayi luar nikah dilahirkan oleh remaja perempuan berumur 18 tahun ke bawah. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 120 kes pembuangan bayi luar nikah dicatatkan daripada angka tersebut. 22% peratus daripada remaja perempuan tersebut mengakui bahawa mereka terlibat dalam seks luar nikah kerana didorong oleh tontonan bahan pornografi (Amirul Ashraaf & Nooraini, 2020). Kesan negatif ini bukan sahaja kepada individu belia malah boleh merosakkan masyarakat seluruhnya. Individu yang ketagihan bahan pornografi akan merosakkan sel otak sehingga menghilangkan kewarasan akal dan pertimbangan rasional dalam membuat keputusan (Nur Qamarina & Hilwa, 2021). Apa yang menakutkan ialah masyarakat akan berada dalam ketakutan kerana berleluasanya kes gangguan seksual dan jenayah seks sehingga persekitaran tidak lagi selamat bagi semua.

Min keseluruhan bagi langkah menangani ketagihan pornografi oleh pelbagai pihak menurut responden ialah 4.33 iaitu berada pada tahap yang tinggi. Ini membuktikan bahawa peranan pelbagai pihak perlu dan penting bagi menangani isu ketagihan pornografi. Dapatan ini menunjukkan secara jelas peranan dan fungsi ibubapa dan institusi pendidikan dalam menangani isu ketagihan pornografi dalam kalangan belia. Varatharajoo dan Hilwa (2020) menjelaskan bahawa faktor ibubapa ialah antara faktor yang mendorong kepada isu ketagihan pornografi. Oleh kerana pentingnya pengaruh ibubapa, maka dalam masa yang sama ibubapa ialah agen utama yang boleh menangani isu ini. Peranan kerajaan dalam menangani isu ketagihan pornografi tidak dinafikan tetapi realitinya kerajaan tidak mempunyai kuasa penuh untuk menyekat kebebasan internet individu agar hanya melayari laman web yang selamat dan tiada elemen pornografi (Muhammad Adnan, et. Al, 2019). Namun begitu, penguatkuasaan undang-undang yang ketat dan tegas boleh dilakukan bagi menangani isu ketagihan pornografi sebelum ia membarah dalam masyarakat.

KESIMPULAN

Kajian ini memberi indikasi penting bahawa isu ketagihan pornografi perlu diberi fokus oleh pelbagai pihak sama ada pihak kerajaan, ibubapa, institusi pendidikan, institusi agama, anggota masyarakat dan rakan sebaya. Ini bermaksud setiap pihak tidak boleh berlepas tangan dengan mendakwa pihak lain yang lebih bertanggungjawab terhadap isu ketagihan pornografi. Lebih-lebih lagi ibubapa dan institusi pendidikan sebagaimana yang dilaporkan oleh dapatan kajian ini. Kesan pornografi sangat besar khasnya kepada peningkatan kes jenayah seksual, kesihatan individu dan keperibadian yang negatif. Penglibatan belia yang berada pada tahap sederhana tidak boleh dianggap masih selamat tetapi wajar dibendung agar ia tidak meningkat ke tahap tinggi sehingga tidak dapat diselamatkan. Kajian selanjutnya pada masa akan datang boleh dilaksanakan dengan melibatkan saiz sampel yang lebih besar dalam kalangan belia agar dapat mewakili populasi. Di samping itu, kajian pada masa hadapan boleh dijalankan terhadap sampel lain dalam masyarakat seperti daripada kelompok kanak-kanak dan dewasa bagi meninjau situasi sebenar isu ketagihan pornografi dalam masyarakat. Selain daripada itu, kajian menggunakan pendekatan kualitatif juga boleh dilakukan pada masa hadapan bagi memahami lebih jelas dan terperinci tentang faktor dan kesan ketagihan bahan pornografi kepada anggota masyarakat.

RUJUKAN

- Agensi. (2018, July 16). *Kadar kes rogol semakin meningkat di India*. Retrieved from <https://malaysiagazette.com/2018/07/16/kadar-kes-rogol-semakin-meningkat-di-india/>
- Alvi, M.H. (2016). *A Manual for Selecting Sampling Techniques in Research*. Akses di <https://mpra.ub.uni-muenchen.de/70218/>.
- Amirul Ashraaf Norman & Nooraini Othman. (2020). Ketagihan pornografi dalam kalangan remaja: Faktor dan implikasi terhadap sahsiah diri remaja. *Jurnal Melayu*, 19(2), 205-215.
- Apuke, O.D. (2017). Quantitative research methods a synopsis approach. *Arabian Journal of Business and Management Review (Kuwait Chapter)*, 6(10), 40-47.
- Arifin, L. (2020, November 20). *Jenayah rogol, mencederakan meningkat pada 2019*. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/11/756298/jenayah-rogol-mencederakan-meningkat-pada-2019>.
- Azrina Mazlin Alias & Vishalache Balakrishnan. (2016). Impak kesukarelawanan dalam kalangan belia di Kuala Lumpur: Satu kajian. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 3(4), 25-43.
- BERNAMA. (2019, Mac 23). *80 peratus kanak-kanak 10-17 tahun tonton pornografi*. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2019/03/544573/80-peratus-kanak-kanak-10-17-tahun-tonton-pornografi>
- Ismail, D. W. (2012, April 27). *Pornografi*. Retrieved from <http://www.myhealth.gov.my/pornografi/>
- Hall, N. (2020). *Pornhub Reports Massive Traffic Spike During Self-Isolation Period*. Retrieved from <https://manofmany.com/lifestyle/sex-dating/pornhub-coronavirus-traffic-spike?amp>.

- Muhammad Adnan Pitchan, Siti Zobidah Omar & Akmar Hayati Ahmad Ghazali. (2019). Amalan keselamatan siber pengguna internet terhadap buli siber, pornografi, e-mel phishing dan pembelian dalam talian. *Jurnal Komunikasi; Malaysian Journal of Communication*. 35(3), 212-227.
- Nur Qamarina Rahman & Hilwa Abdullah @ Mohd Nor. (2021). Ketagihan Telefon Pintar dan Ketagihan Pornografi Terhadap Kesihatan Mental dalam Kalangan Mahasiswa di Institut Pengajian Tinggi Awam di Malaysia. *Jurnal Wacana Sarjana*, 5(1), 1 - 9.
- Rohana Tan, Norhasni Zainal Abiddin & Andi Suwirta. (2016). Faktor yang mempengaruhi penghayatan akhlak Islam dalam kalangan belia di sebuah institusi pengajian tinggi awam Malaysia. *INSANCITA: Journal of Islamic Studies in Indonesia and Southeast Asia*, 1(1), 55 - 66.
- Tuan Pah Rokiah Syed Hussain, Shamsul Anuar Nasarah & Zaharuddin Othman. (2016). Pembinaan bangsa Malaysia (1): Kajian empirical tahap patriotism belia. *Geografia Online Malaysian Journal od Society and Space*, 12(10), 159-170.
- Varatharajoo, T., & Abdullah@ Mohd Nor, H. (2020). Hubungan antara Ketagihan Pornografi dan Jenis Trait Personaliti dalam Kalangan remaja. *Jurnal Wacana Sarjana*, 4(2), 1-9.

MAKLUMAT PENULIS

ALEEYAH NUR SABRINA DZUREN

Sekolah Kejuruteraan Bioperubatan dan Sains Kesihatan
Fakulti Kejuruteraan
Universiti Teknologi Malaysia
aleeyahnursabrina@graduate.utm.my

FONG YU JIE

Sekolah Kejuruteraan Bioperubatan dan Sains Kesihatan
Fakulti Kejuruteraan
Universiti Teknologi Malaysia
fongjie@graduate.utm.my

NIK MUHAMMAD AZRI MOHD ANUAR

Sekolah Kejuruteraan Bioperubatan dan Sains Kesihatan
Fakulti Kejuruteraan
Universiti Teknologi Malaysia
nikmuhammadazri@graduate.utm.my

NURUL ALIYAH MOHD NADZRI

Sekolah Kejuruteraan Bioperubatan dan Sains Kesihatan
Fakulti Kejuruteraan
Universiti Teknologi Malaysia
nurulaliyah@graduate.utm.my

SUSSVINDERJEET KAUR A/P MANJIT SINGH

Sekolah Kejuruteraan Bioperubatan dan Sains Kesihatan
Fakulti Kejuruteraan
Universiti Teknologi Malaysia
s.kaur@graduate.utm.my

FAIZAH MOHD FAKHRUDDIN

Sekolah Pembangunan Sumber Manusia dan Psikologi
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Teknologi Malaysia
faizah.mf@utm.my

FATHIYAH MOHD FAKHRUDDIN

Jabatan Pendidikan Bahasa dan Kemanusiaan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
fathi@upm.edu.my